



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***GAYA BAHASA DALAM CERPEN TERBITAN AKHBAR TAMIL
TEMPATAN***

ESWARI A/P KUNASEKARAN

FBMK 2021 13



**GAYA BAHASA DALAM CERPEN TERBITAN AKHBAR TAMIL
TEMPATAN**

Oleh

ESWARI A/P KUNASEKARAN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Julai 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Untuk suami dan keluarga tersayang
En. Theven Retnam Kanapaty
Terima kasih atas segala pengorbanan dan dorongan yang telah dicurahkan sehingga
hari ini

serta
Anak-anak yang dikasihi dan disanjung tinggi
Nischal Theven Retnam
Shamithran Theven Retnam
Atas bantuan dalam mencari bahan bahan kajian dan sokongan yang jitu
selama ini

Pensyarah pembimbing
Prof. Datuk Dr. Paramasivam Muthusamy
Dr. Veeramohan a/l Veeraputhran
Dr. Manimangai a/p Mani
Terima kasih atas bimbingan yang diberikan serta ilmu yang dicurahkan

Pensyarah pensyarah UPM yang lain serta rakan-rakan yang seperjuanganku
Terima kasih atas bantuan yang diserikan bagi menjayakan usaha ini

Doaku untuk semua ialah agar menjadi pendidik yang cemerlang serta melahirkan
golongan generasi yang lebih berwibawa dan gemilang.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

GAYA BAHASA DALAM CERPEN TERBITAN AKHBAR TAMIL TEMPATAN

Oleh

ESWARI A/P KUNASEKARAN

Julai 2020

Pengerusi : Profesor Paramasivam Muthusamy, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini meneliti penggunaan gaya bahasa dalam penulisan cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan sebagai data kajian. Hal ini demikian kerana kajian berkaitan penggunaan gaya bahasa dalam bidang penulisan cerpen bahasa Tamil semakin dilupakan dan terhad di Malaysia (Tangaprabu, Mary Fatimah & Muhammad Zaid, 2018). Pelbagai saranan telah diusahakan supaya cerpen bahasa Tamil yang kaya dengan penggunaan gaya bahasa dapat difahami oleh semua pencinta genre cerpen Tamil. Namun, dengan wujudnya cerpen yang tiada penggunaan gaya bahasa yang beretika tinggi telah menyebabkan rakyat tidak mengetahui dan memahami intipati gaya bahasa. (Krishnan Subramaniam (2016). Hal ini membimbangkan kerana masyarakat langsung tidak sedar akan kewujudan gaya bahasa yang beretika tinggi. Kajian secara analisis kandungan ini memfokuskan aspek penggunaan gaya bahasa dalam penghasilan cerpen terbitan akhbar Tamil di Malaysia. Objektif kajian terarah kepada mengenalpasti jenis gaya bahasa dan menganalisis peranan gaya bahasa kiasan dalam penulisan cerpen. Metodologi melibatkan penyelidikan kualitatif berdasarkan analisis terhadap 52 cerpen terbitan akhbar Tamil (Makkal Osai) tahun 2017 sahaja. Pemilihan cerpen ini penting untuk menjadi landasan kepada para penulis cerpen tempatan, penulis novel, guru kesusasteraan Tamil dan persatuan sastera dalam penghasilan cerpen yang kaya dengan gaya bahasa yang mantap di negara ini. Kajian ini menggunakan Teori Larson (1984) berlandaskan Theory of Lexical Concepts and Cognitive Models (LCCM). Teori ini menggunakan kata makan sebagai dasarnya kerana adanya pemetaan antara domain serta pengetahuan. Seterusnya, pemetaan domain sumber kepada domain sasaran dan menyatakan tentang pengalihan makna daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Selain itu, dalam penterjemahan terjadi penggantian bentuk bahasa sumber dengan bentuk bahasa sasaran. Analisis juga melibatkan bacaan rapi dan teliti bagi setiap kata, frasa dan ayat untuk mengenalpasti aspek penggunaan gaya bahasa. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan aspek seperti perumpamaan/simile, personifikasi, metafora, sarkasme, eufemisme, hiperbola, simpulan bahasa, litotes, repitisi, sinekdoke, onomatopeia, paradoks, paralelisme, epifora, anafora dan Okupasi dapat memberi kesan kepada watak dan konteks cerpen.

Secara keseluruhannya, penggunaan gaya bahasa dalam cerpen-cerpen ini dan implikasi kajian ini dapat memberikan maklumat tentang penggunaan gaya bahasa dalam cerpen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan gaya bahasa tersurat dan tersirat dapat menarik minat golongan pembaca dan peminat cerpen serta penggunaan gaya bahasa yang pelbagai menjadikan hasil penulisan lebih menarik.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Arts

USAGE OF LANGUAGE STYLES IN LOCAL TAMIL NEWSPAPER

By

ESWARI D/O KUNASEKARAN

July 2020

Chairman : Profesor Paramasivam Muthusamy, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study examines the use of language styles in the writing of short stories in local Tamil newspapers as research data. This textual analysis focuses on the usage of the language style in the production of short stories in Tamil newspapers. The objectives of this study are to identify the types of language styles used in the short stories, secondly to examine the implied and explicit meanings intended in the short stories and finally to explain the role of language styles. The methodology of this study involves qualitative research based on the analysis of the text of the selected short stories in Tamil newspaper in Malaysia (Makkal Osai) in 2017. Analysis and interpretation is based on 52 selected short stories from Makkal Osai whereby the role of language style is identified and reviewed. This study is limited to the analysis of the usage of the language styles in the short stories. This study is essential to provide a foundation for local short story writers, novelists, Tamil literature teachers and literary associations in the production of intricate short stories. This study uses Larson's theory (1984) based on LCCM theory (Theory of Lexical Concepts and Cognitive Models). The analysis also involves careful reading of each phrase and sentences to identify aspects of language style usage. The results show that the use of aspects such as metaphor, personification, idioms, parables, sarkasme, euphimisme, paradoks, okupasi, onomatopoeia, repetation, litatoes, epifora anapora, paralelisme, synecdoche and hiperbola can affect the character and context of the story. Overall, the use of language styles in these short stories and the implications of this study can provide information as well as how language styles are used in short stories. Based on the research findings it is possible to use a variety of language styles to attract the various readers and short stories and to diversify the use of language style to make writing more interesting.

PENGHARGAAN

Saya ingin bersyukur kepada Illahi atas nikmat yang diberikan kepada saya tanpa henti. Tanpa keredhaan-Nya, saya tidak mungkin dapat menyiapkan tugas ini. Saya memang bersyukur ke hadrat Illahi atas limpah kurnia-Nya.

Penghargaan seterusnya ditujukan khas kepada suami saya. Beliaulah yang memberikan sokongan dari segi moral dan materialistik untuk menyiapkan tugas saya ini tanpa sebarang sekatan. Saya tidak dapat lupakan segala pengorbanan beliau dalam hal penyempurnaan tugas ini. Tanpa beliau, nescaya saya tidak dapat menghasilkan tugas ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga kepada pensyarah saya Prof. Datuk Dr. Paramasivam Muthusamy, Dr. Veeramohan A/L Veeraputhran dan juga Dr. Manimangai a/p Mani kerana dengan izin Maha Esa, mereka sudi memberi tunjuk ajar dan memberikan garis panduan yang mencukupi dalam penyiapan tugas ini. Mereka juga sering menegur saya dengan berhemah. Moga-moga jasa baik mereka menerima ganjaran iaitu kurniaan daripada-Nya yang tidak ternilai harganya.

Saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada anak-anak saya yang sanggup memahami kehendak dan keperluan saya. Mereka turut memberikan sokongan padu dalam hal penyempurnaan tugas ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada teman yang sudi berkongsi ilmu untuk menyiapkan tugas ini. Tanpa bantuan dan sokongan padu daripada mereka amat sukar untuk disiapkan.

Sebelum menutup bicara, saya ingin menyalurkan sekalung terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan tugas ini. Kesediaan anda amatlah saya hargai.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Paramasivam a/l Muthusamy, PhD

Professor Datuk
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Eswari a/p Kunasekaran. GS 48131

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Datuk Dr. Paramasivam a/l Muthusamy

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Veeramohan a/l Veeraputhran

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i	
ABSTRACT	iii	
PENGHARGAAN	iv	
PENGESAHAN	v	
PERAKUAN	vii	
SENARAI JADUAL	xi	
SENARAI RAJAH	xii	
SENARAI SINGKATAN	xiii	
BAB		
1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Justifikasi Pemilihan Bahan Kajian	8
1.8	Tumpuan dan Batasan Kajian	9
1.8.1	Definisi Operasional	9
1.8.1.1	Gaya Bahasa	9
1.8.1.2	Cerpen	10
1.8.2	Akhbar Tamil Tempatan	10
1.9	Kesimpulan	10
2	SOROTAN LITERATUR	11
2.1	Pengenalan	11
2.2	Teori dan Model Berkaitan	11
2.2.1	Teori Bahasa Kiasan Larson (1984)	11
2.2.2	Teori LCCM (2006)	13
2.3	Kajian berkaitan cerpen	15
2.4	Kajian berkaitan gaya bahasa	17
2.5	Kajian Tentang Akhbar Tamil Di Malaysia	21
2.6	Jurang Penyelidikan	23
2.7	Kesimpulan	24
3	METODOLOGI KAJIAN	25
3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka bentuk kajian	26
3.3	Kaedah Kajian	26
3.3.1	Bahan Kajian	27
3.3.2	Prosedur	27
3.3.3	Analisis	28

3.3.4	Kerangka Teori Larson (1984) Dan Teori Lccm (Evans 2006)	30
3.3.4.1	Gaya Bahasa berlandaskan kepada Teori Larson dan Teori LCCM (Evans)	30
3.3.5	Kerangka Konseptual Kajian	35
3.3.6	Kesimpulan	36
4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Senarai Cerpen dan Penulis Cerpen	37
4.3	Jenis Gaya Bahasa dan Maksud Tersurat dan Tersirat	38
4.3.1	Perumpamaan / simile	41
4.3.2	Personifikasi	44
4.3.3	Metafora	47
4.3.4	Simpulan Bahasa	54
4.3.5	Eufemisme	57
4.3.6	Sarkasme	59
4.3.7	Paralelisme	62
4.3.8	Litotes	64
4.3.9	Hiperbola	65
4.3.10	Repetisi	66
4.3.11	Paradoks	67
4.3.12	Onomatopeia	67
4.3.13	Sinekdoke	68
4.4	Peranan Gaya Bahasa Kiasan dalam Penulisan Cerpen	69
4.5	Kesimpulan	73
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Kesimpulan	74
5.2.1	Jenis Gaya bahasa serta maksud tersurat dan tersirat yang terkandung dalam cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan bagi 2017	74
5.2.2	Peranan Gaya Bahasa kiasan dalam cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan	76
5.3	Implikasi	78
5.3.1	Masyarakat	78
5.3.2	Media Elektronik	78
5.3.3	Pengkaji Bahasa Tamil	78
5.3.4	Institusi Pengajian	79
5.3.5	Pusat Perkembangan Kurikulum	79
5.4	Kebaharuan	79
5.5	Cadangan	81
5.6	Penutup	82
	RUJUKAN	83
	LAMPIRAN	89
	BIODATA PELAJAR	106

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Gred Purata Mata Pelajaran Bahasa Tamil Penulisan	6
2.1	Senarai Akhbar Tempatan Tamil yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Genre Cerpen di Malaysia	23
4.1	Senarai Penulis	38
4.2	Tahap Penggunaan Gaya Bahasa dalam cerpen terbitan akhbar Tamil (<i>Makkal Osai</i>) 2017	39
4.3	Taburan Jumlah Gaya Bahasa yang digunakan dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan pada tahun 2017	71

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1	Proses Penterjemahan Menurut Larson 14
2.2	Sejarah Perkembangan Genre Cerpen Tamil di Malaysia 16
2.3	Pelbagai jenis gaya bahasa dalam penulisan kreatif dan bukan kreatif 21
3.1	Kerangka Konseptual 35



SENARAI SINGKATAN

Vokal

a	அ
a:	ஆ
i:	இ
l:	ஈ
u	உ
u:	ஊ
e	எ
e:	ஏ
ai	ஐ
o	ஓ
o:	ஔ
au	ஔ

Konsonan

k	க்	y	ய்	n	ங்
c	ச்	r	ர்	n	ஞ்
t	ட்	l	ல்	n	ண்
t	த்	v	வ்	n	ந்
P	ப்	l	ழ்	m	ம்
ṛ	ற்	l	ள்	n	ன்

Sumber: Agesthiolingom, Tamil Mozli Amaippioyal, (2002)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penulisan ialah aspek yang mencirikan pelbagai perkembangan mengikut peredaran zaman. Perubahan yang berlaku dalam bidang penulisan terutamanya karya-karya seperti cerpen memerlukan golongan penulis yang cekal, berilmu dan bertilam (Ganesan, 2015). Bahasa kiasan menjadi alat yang penting untuk memberikan pengalaman yang berharga kepada pembaca dalam hal menghayati cerita yang disampaikan oleh penulis (Rahilah, Nasrun & Teo Kok Seong, 2016).

Manusia memerlukan bahasa sebagai media komunikasi antara satu sama lain. Penggunaan bahasa mampu membina hubungan yang baik antara setiap individu. Peranan bahasa ini tidak dapat dinafikan dalam bidang penulisan terutamanya hasil karya seperti cerpen bagi pembaca menghayati kandungan cerita yang disampaikan oleh penulis (Nur Afiqah & Nor Hashimah, 2017). Ragini dan Che Ibrahim (2015) mendefinisikan sastra dalam bidang penulisan sebagai satu bidang yang luas dan memerlukan kecekapan dalam mengendalikannya dengan penulisan. Bahasa kiasan membantu penulis dalam menyampaikan perkara yang ingin disampaikan oleh penulis dengan mudah menerusi penulisan. Tambahan, bahasa kiasan ini menjadi sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam penulisan cerpen. Bahasa kiasan ini dapat menyampaikan elemen yang sukar diukur dalam mata kasar dan hanya dapat dihayati seperti kasih sayang, naluri dalam dan nilai diri dengan berkesan menerusi penulisan cerpen.

Asad (2015), mengatakan bahawa cerpen ialah fiksyen yang bertujuan untuk perpaduan penceritaan, tema dan kesan. Cerpen moden, tidak lagi berusaha untuk menjadikan kehidupan seharian lebih menghiburkan dengan mencipta plot eksotis. Sebaliknya, penulis cerpen moden cenderung untuk menggunakan naratif berdasarkan pengalaman sendiri. Tumpuannya adalah lebih banyak tentang aspek kehidupan yang kurang hebat, tentang kepentingan yang mendasari apa-apa yang nampaknya remeh. Hasil penulisan persepsi itu adalah kesempurnaan bentuk, keharmonian, tema dan struktur, dan ketepatan gaya untuk mengungkapkan kehalusan fikiran dan tingkah laku manusia. Lebih-lebih lagi, cerpen membentuk salah satu kesusasteraan yang popular dalam masyarakat untuk menyatakan perasaan atau pemikiran penulis daripada penulis.. Cerpen juga digunakan sebagai bahan bacaan yang komprehensif. Dalam konteks ini, cerpen dapat meningkatkan ketrampilan pelajar dalam pembacaan komprehensif. Walau bagaimanapun, dalam membaca cerpen, pembaca harus tahu apa arti dan kandungan dalam cerpen. Pembaca harus dapat memahami kandungan dan mesej cerpen, biarpun terdapat banyak bahasa kiasan.

Cerpen menjadi wadah atau saluran yang penting untuk menyampaikan maklumat atau mesej kepada masyarakat. Pada zaman yang serba moden ini, penggunaan gadget menjadi perkara utama kepada golongan anak muda kita sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang anak yang berguna kepada nusa dan bangsa. Nilai estetik yang diperoleh daripada unsur kesusasteraan kian lenyap begitu sahaja. Dengan ini, generasi muda kita lebih mudah terjebak ke lembah maksiat. Cerpen merupakan salah satu elemen utama dalam kesusasteraan. Menurut Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2017) kita harus menyedari bahawa kesusasteraan mempunyai erti amat penting sebagai sarana untuk mengenal tatanilai, sikap hidup serta alam fikiran sesuatu bangsa. Ia dikenali sebagai sastera bandingan.

Elemen struktur seperti tema, latar, plot, pemikiran dan sebagainya tidak akan wujud dalam sesebuah cerpen tanpa bahasa. Struktur cerpen juga tidak sempurna tanpa penggunaan bahasa yang gramatis. Bahasa menjadi satu strategik asas yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi serta sebagai penyampai maklumat sama ada secara lisan ataupun dalam bentuk tulisan (Manullang, 2017). Hasil kajian ini bertujuan untuk meneliti jenis gaya bahasa kiasan yang digunakan dalam cerpen yang diterbitkan dalam akhbar Tamil tempatan bagi tahun 2017. Selain itu, maksud tersirat dan tersurat dengan peranan penggunaannya dalam cerpen turut diteliti.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan cerpen Tamil menyerlah dengan lebih pesat selepas wujudnya cerpen yang bertajuk 'paramanatha Guru kataigal' yang dikarang oleh Veeramamunivar pada 1822. Namun demikian cerpen tersebut tidak menepati kehendak ciri-ciri cerpen tetapi masih diterima dalam arena dunia kesusasteraan Tamil. Usaha penulisan ini telah dipelopori oleh Barathiyar dengan menghasilkan karya 'Raja Putra Kannigaiyar Saritham' ianya telah dikarang pada 1905. Namun karya ini juga tidak menepati format cerpen yang diinginkan. Salah seorang penulis yang bernama Selva Kesavaraya telah menerbitkan sebuah karya yang bertajuk 'Abinayak Kathaigal' sekitar 1884-1921. Beliau telah memperlihatkan tema cerita berbeza dan kreatif berbanding dengan hasil nukilan sebelumnya, yang dikarang oleh pelbagai penulis yang lain. Beliau menggunakan tema cerita yang kreatif serta jalan cerita yang aman. Namun begitu karya beliau juga tidak menepati ciri yang dikehendaki oleh prinsip cerpen.

'Kusikar Kuttik Kataigal' diterbitkan dengan 22 cerpen yang dikarang oleh Mathavaiya sekitar 1872-1925 yang mengetengahkan pelbagai tema perbincangan. Namun begitu, ia juga tidak diambil kira sebagai cerpen yang mempunyai ciri tertentu. Tetapi ada sasterawan berpendapat bahawa cerpen dengan ciri yang unik mula menjejak langkah ke tanah Malaysia sebelum 1930- an. Tiada perubahan masa atau zaman yang ketara dalam perkembangan cerpen Tamil antara India dengan Malaysia. Poobalan, V (1978) mengatakan bahawa di India pada 1927 merupakan tahun pertama pengeluaran cerpen pertama yang dikarang oleh Va.Ve.Su.Iyar. Cerpenya bertajuk Mangkaiyarkarasiyin Kaadhhal – Kulatanggarai Arasamaram

(மங்கையற்கரசியின் காதல்- குளத்தங்கரை அரசமரம்). Cerpen ini berjaya dan menepati ciri cerpen yang dikehendaki.

Karya Mangkaiyarkarasiyin Kaadhal – Kulatanggarai Arasamaram(மங்கையற்கரசியின் காதல்- குளத்தங்கரை அரசமரம்) merupakan titik permulaan sejarah perkembangan. Hal ini jelas dilihat dalam pernyataan V. Poobalan (1978). Singgaravelu (2006), mengatakan bahawa surat khabar Tamil di Malaysia berperanan penting dalam memperkembangkan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Pernyataan ini disokong oleh Krishnan Maniam (1993) yang mengatakan bahawa kelahiran akhbar dan majalah bahasa Tamil memperkembangkan kesusasteraan Tamil di Malaya.

Perkembangan cerpen Tamil Malaysia pada peringkat awal lebih terpengaruh dengan penulisan dari Tamil Nadu. Sebagai kaum yang baru menetap di negara ini serta hidup dalam serba kekurangan, penghasilan karya kreatif sastera tidak dapat difikirkan oleh masyarakat tersebut yang awal ini. Penulisan sastera Tamil Malaysia dipelopori oleh penulis yang datang dari Tamil Nadu dan juga beberapa individu yang berkualiti tinggi dalam penulisan sastera kreatif terutamanya genre cerpen Tamil dan bukannya daripada golongan buruh. Walaupun penulisan pada peringkat awal ini mempunyai pengaruh Tamil Nadu yang mendalam, para sasterawan Tamil tetap menunjukkan cinta dan setia pada negara ini dengan menggunakan nama Malaya pada judul akhbar dan majalah. Menurut Krishnan Subramaniam (2016), contoh akhbar dan majalah ialah seperti Malaya Mithran (1932), Malaya Thoothan (1932), Malaya Nadu (1930), Malaya Mani (1935), dan sebagainya. Kesemua sumber ini menjadi titik permulaan perkembangan cerpen dan juga penggunaan gaya bahasa yang unik dalam penghasilan kesusasteraan.

Analisis gaya bahasa yang secara luas dikenali sebagai kajian wacana semantik yang lebih besar merujuk kepada penggunaan kontekstual angka ucapan dalam mewujudkan arti harfiah yang lebih berkesan, sengaja dan berpengaruh terhadap kata-kata ke arah pembaca atau pendengarnya. Asad Mohamed (2015) menekankan bahawa bahasa kiasan boleh muncul dalam pelbagai bentuk dengan bantuan strategi sastera dan retorik yang tersendiri, dicetak semula sebagai pernyataan atau penekanan, persamaan atau hubungan, angka bunyi, kesilapan atau permainan lisan. Bahasa kiasan itu sendiri ialah kehilangan ketara daripada apa-apa yang setiap pengguna bahasa mengiktirafnya sebagai makna standard kata-kata, dalam usaha mencapai beberapa kesan atau makna khusus yang dimaksudkan dalam menyampaikan maklumat.

Gaya bahasa boleh ditakrifkan sebagai satu sistem pengucapan masyarakat yang penting dalam sejarah kehidupan dan perkembangan umat manusia. Setiap masyarakat di dunia mempunyai bentuk pengucapan dan juga gaya bahasa yang tersendiri. Jika kita tinjau kepada penggunaan gaya bahasa, ia diterbitkan daripada renungan masyarakat yang kemudiannya dihubungkan dengan tingkah laku, tabiat, kelakuan dan prinsip hidup serta pegangan hidup masyarakat masing-masing. Fenomena

sebegini timbul daripada masyarakat yang melahirkan bahasa kiasan dengan menggunakan unsur dan alam sekeliling mereka untuk disosialisasikan dengan corak kehidupan mereka.

Menurut Shahnnon Ahmad (2014) gaya bahasa direka khas supaya dapat menjadi pegangan hidup atau pengajaran turun temurun dalam kalangan masyarakat dan kehidupan masing-masing. Penulisan cerpen yang membabitkan penggunaan gaya bahasa yang pelbagai dan sesuai mengikut jalan cerita yang baik sahaja dapat menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk terus membaca hasil nukilan para penulis tanah air kita. Arus permodenan tidak mengabaikan dunia kesusasteraan Tamil Malaysia yang kian maju ke arah kegemilangan atas sokongan dan dorongan daripada Persatuan Penulis Tamil Malaysia. Melalui bahasa maksud yang cuba disampaikan oleh pengarang itu bersifat harfiah (literal) dan nonliteral (bukan literal). Bahasa nonliteral lazimnya digunakan dan dikiaskan dengan sesuatu objek atau lain untuk dibuat bandingan dalam penyampaian makna. Penggunaan bahasa kiasan dalam sesebuah cerpen memudahkan pemahaman dan memberikan peluang kepada para pembaca supaya memahami kandungan cerpen serta dapat berfikir secara rasional dan logikal. Perkara ini tidak terlepas juga dalam cerpen-cerpen Tamil yang diterbitkan dalam akhbar tempatan di Malaysia.

Ragini dan Che Ibrahim (2015) menyatakan bahawa peranan bahasa dan pemikiran tidak dapat dipisahkan kerana ia mempunyai penggabungjalinan yang ketara. Bahasa bertindak sebagai wahana atau saluran untuk menyampaikan pemikiran dan nilai ideologi sesuatu bangsa, wadah untuk ilmu kehidupan, kebudayaan, nilai estetika yang tinggi, sejarah, kesenian dan apa-apa sahaja yang wujud dalam lingkungan yang dikenali sebagai ciptaan sosiobudaya sesuatu bangsa. Dengan kata lain, peranan bahasa sebagai alat komunikasi tidak dapat dipisahkan daripada penuturnya. Penggunaan gaya bahasa yang gramatis dan menarik perhatian pembaca amat digalakkan dalam penulisan genre cerpen. Setiap penulis mempunyai gaya masing-masing dalam hasil nukilan masing-masing. Persoalannya adakah gaya bahasa yang telah digunakan oleh seseorang penulis menjadi wadah pemikiran atau memberikan impak yang positif kepada golongan pembaca. Gaya bahasa biasanya digunakan sejak dulu untuk memperindah serta memperkukuh kenyataan atau fakta yang ingin disampaikan. Kebiasaanya gaya bahasa digunakan untuk membuat perbandingan antara satu perkara dengan perkara yang lain.

Mengikut Asad Mohamed (2015), bahasa dikenali sebagai sumbangan manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi secara arbitrari yang dipersetujui bersama oleh satu kelompok sosial yang digunakan sebagai alat berinteraksi. Bahasa ialah alat komunikasi antara anggota masyarakat berupa simbol bunyi yang dihasilkan oleh alat ucap manusia. Untuk merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai negara maju, cemerlang, gemilang dan terbilang maka sudah pastinya rakyat jelata perlu peka terhadap unsur kesusasteraan yang kaya dengan nilai harmoni dan estetika serta sifat-sifat yang tidak bercanggah dengan norma masyarakat. Sebuah negara yang maju hanya dapat ditegakkan melalui sokongan dan dorongan yang bersifat unsur tatakrama. Menurut Shahnnon Ahmad (2014), dalam kajian tentang teori kesusasteraan

sastera memberi pemikiran SPB4L atau SPB4K iaitu Sistem pemikiran Bersepadu 4L: Luhur, Lahir, Logik dan Lateral atau dengan istilah yang lebih canggih Sistem Pemikiran Bersepadu 4K: Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan.

Luhur atau kerohanian ialah pemikiran jenis keagamaan, keimanan, ketauhidan dan ketuhanan. Berdasarkan dan berteraskan teori pemikiran SPB4K ini, kita dapat mengenalpasti bahawa Shahnon Ahmad (2014), memperlihatkan beberapa jenis pemikiran dalam penghasilan karyanya. Ternyata bahawa Shahnon Ahmad mempunyai pemikiran luhur dan Kerohanian. Kualiti pembangunan negara banyak bergantung pada tahap produktiviti individu yang mempunyai nilai moral yang tinggi. Untuk mewujudkan masyarakat yang kaya dengan nilai tatakrama yang tulus maka sudah pastinya generasi muda atau golongan remaja perlu peka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kesusasteraan. Selaras dengan wawasan, banyak usaha murni telah dipupuk pada peringkat awal terutamanya peringkat persekolahan iaitu pelajar dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat seperti program, latihan, bengkel, kursus pembinaan insan sahsiah dan sebagainya. Ini amat penting untuk melahirkan manusia yang lebih proaktif, kolaboratif serta investigatif dalam usaha membina negara yang makmur dan sejahtera.

Untuk merealisasikan aspirasi ini, para penulis mempunyai peranan yang amat penting dalam penghasilan nukilan karya masing-masing yang terunggul. Oleh itu, satu kajian tentang pemupukan minda sastera berupa cerpen dengan penggunaan gaya bahasa yang sesuai mengikut kehendak fenomena jalan cerita perlu dikaji supaya semua lapisan masyarakat dapat membaca dan menghayati kandungan sastera khususnya hasil nukilan terbitan akhbar tempatan dan secara tidak langsung usaha murni ini akan melahirkan golongan insan yang patuh pada norma-norma masyarakat. Dalam dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji peranan gaya bahasa untuk melahirkan golongan pembaca yang cinta terhadap penggunaan gaya bahasa yang gramatis serta pencinta genre kesusasteraan yang enggan melanggar norma-norma masyarakat. Dengan ini sudah pasti setiap genre kesusasteraan mengandungi unsur-unsur gaya bahasa yang cukup baik.

1.3 Pernyataan Masalah

Persoalan bagaimanakah gaya bahasa digambarkan dalam cerpen menjadi masalah asas yang akan dirungkaikan dalam kajian semasa. Sebagai langkah pertama pengkaji perlu mencari jawapan kepada persoalan sama ada gaya bahasa boleh dijadikan sebagai sumber utama dalam sesuatu kajian ilmiah. Hal ini penting untuk menjustifikasikan penemuan kajian yang bakal ditemukan. Suatu lagi perkara asas dalam masalah kajian semasa ialah mentakrifkan konsep gaya bahasa. Lazimnya, gaya bahasa merupakan satu elemen yang paling penting dalam penghasilan sesuatu genre kesusasteraan. Mengikut Tangaprabu, Mary Fatimah & Muhammad Zaid, (2018), kajian berkaitan penggunaan gaya bahasa dalam bidang penulisan cerpen bahasa Tamil semakin dilupakan dan terhad di Malaysia. Pelbagai saranan telah dilaksanakan supaya cerpen bahasa Tamil yang kaya dengan penggunaan gaya bahasa dapat difahami oleh semua pencinta genre cerpen Tamil. Berdasarkan kajian Krishnan Subramaniam (2016)

mengatakan bahawa dengan wujudnya cerpen yang tiada penggunaan gaya bahasa telah membuatkan rakyat tidak mengetahui dan memahami intipati gaya bahasa. Hal ini membimbangkan kerana masyarakat langsung tidak sedar akan kewujudan gaya bahasa yang beretika tinggi. Bertitik tolak daripada masalah di atas, kajian ini ingin memberikan kesedaran tentang kewujudan dan penggunaan gaya bahasa yang pelbagai ragam yang dihasilkan dalam dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia.

Menurut Krishnan Subramaniam (2016) menyatakan penggunaan cerpen dalam pendidikan sebagai media pengajaran juga menjadi suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Ini adalah sejajar dengan reka bentuk kurikulum Bahasa Tamil yang meminta murid menguasai penulisan cerpen, dengan bahasa kiasan sejak sekolah rendah lagi, seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Analisis terhadap pencapaian murid dalam Bahasa Tamil, dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah menunjukkan kejatuhan pelunjuran bagi tiga tahun terakhir. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.1, pencapaian bagi mata pelajaran Bahasa Tamil amat tidak tekal. Antara salah satu faktor utama pencapaian yang tidak tekal ialah penggunaan gaya bahasa yang kurang mantap dalam Kertas Bahasa Tamil Penulisan. Maka, kajian ini, dapat dikenal pasti keberkesanan penggunaan cerpen yang diterbitkan dalam akhbar Makkal Ossai sebagai media pengajaran bagi tujuan meningkatkan pemahaman murid terhadap penggunaan bahasa kiasan yang betul dan tepat dalam penulisan cerpen.

Jadual 1.1 : Gred Purata Mata Pelajaran Bahasa Tamil Penulisan

Mata Pelajaran	2014	2015	2016
Bahasa Tamil (Pemahaman)	1.99	2.05	2.69
Bahasa Tamil (Penulisan)	2.07	2.15	2.37

(Laporan Pencapaian, Jabatan Pendidikan Selangor, 2016)

Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2018) dalam kajiannya mendapati bahawa kajian berkaitan penggunaan gaya bahasa dalam penulisan cerpen bahasa Tamil adalah terhad di Malaysia. Kebanyakan kajian yang dijalankan tertumpu pada aspek penulisan secara umum dan tidak berfokuskan elemen bahasa kiasan. Jadi, kajian ini bakal menjadi penampung terhadap lompang kajian ini. Kajian ini tertumpu pada penggunaan gaya bahasa kiasan dan melihat implikasi kekurangan gaya bahasa kiasan. Pelaksanaan kajian ini bukan sahaja meninjau tahap penggunaan bahasa kiasan dalam penulisan cerpen dalam akhbar Makkal Osai malahan ia juga dapat mengenal pasti kebolegunaan dan keberkesanaannya sebagai media pengajaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat jurang dalam kajian yang sedia ada setakat ini. Oleh itu, kajian yang memperlihatkan bahasa kiasan Tamil dalam cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan wajar dilakukan. Sudah pasti, kajian ini membuka lembaran baharu dalam penyelidikan kesusasteraan Tamil Malaysia dengan memfokuskan penggunaan gaya bahasa Kiasan Tamil dalam cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan.

1.4 Objektif Kajian

Pengkaji mengemukakan beberapa objektif dalam menjalankan kajian ini iaitu:

1.4.1 mengenal pasti jenis gaya bahasa kiasan dan maksud tersurat serta tersirat yang terkandung dalam cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan (Makkal Osai) 2017.

1.4.2 menganalisis peranan gaya bahasa kiasan dalam penulisan cerpen.

1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji mengemukakan dua persoalan kajian seperti yang berikut: -

1.5.1 Apakah jenis gaya bahasa kiasan yang digunakan dalam cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan 2017 dan maksud tersurat dan tersirat yang terdapat dalam cerpen tersebut? (Makkal Osai)

1.5.3 Apakah peranan penggunaan gaya bahasa kiasan dalam cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kemahiran, sumber dan ilmu yang sedia ada dalam sektor penganalisan gaya bahasa memang amat terhad. Kajian lalu menunjukkan bukti bahawa tiada sebarang kajian yang relevan dan khusus tentang analisis gaya bahasa dalam cerpen terbitan akhbar Tamil sehingga ini. Terdapat beberapa penulisan gaya bahasa bersifat popular. Skop kajian penganalisan gaya bahasa cerpen akhbar tempatan menawarkan ruang serta lompang yang amat ekstensif untuk diisi.

Oleh yang demikian, kajian semasa telah membuat pilihan untuk membina sejarah latar belakang perkembangan cerpen. Memandangkan keperluan yang agak mendesak objektif pertama kajian semasa telah dibentuk. Aspek lain boleh diperkembangkan sebaik sahaja asas ini dibina. Kajian semasa memberi pengukuhan dan mengesahkan bahawa penggunaan gaya bahasa yang unik dalam cerpen boleh menjadi info atau evedensi sosial yang berguna dan boleh diyakini. Kajian semasa menyalurkan fitrah yang bermanfaat dalam perkembangan gaya bahasa dalam cerpen sebagai bahan kajian ilmiah.

Tambahan pula, gaya bahasa ialah satu filial penyelidikan yang agak mustahak. Kajian semasa dapat mengisi sebahagian lompang dalam kajian gaya bahasa dalam cerpen terbitan akhbar Tamil tempatan. Penelitian kajian terdahulu terhadap masyarakat India dalam bidang ilmiah menunjukkan bahawa kebanyakan pengkaji tempatan amat berminat dalam bidang kesusasteraan atau karya kreatif khususnya syair, sajak, pantun, puisi, cerpen dalam koleksi buku, novel dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan bahawa agak jarang sekali para pengkaji tempatan memberi perhatian dan fokus terhadap cerpen terbitan akhbar tempatan sebagai bahan kajian ilmiah. Kajian ini dapat memecahkan tradisi ini dan memulakan satu tradisi baharu yang kemudiannya akan merangsangkan kajian lain dalam bidang kesusasteraan. Kajian semasa dapat memberikan info dan input kepada golongan pembaca untuk mengenalpasti sejauhmanakah penggunaan gaya bahasa yang dipaparkan dalam cerpen dan adakah ia memberikan impak dan efisien dengan corak kehidupan masyarakat setempat atau sebaliknya.

1.7 Justifikasi Pemilihan Bahan Kajian

Secara amnya, cerpen yang dipilih berdasarkan dua konteks iaitu kewibawaan penulis dan pencapaian cerpen yang dihasilkan.

Kebanyakan penulis ialah penulis cerpen yang tersohor dan tidak asing lagi dalam persada kesusasteraan moden Tamil di Malaysia. Kebanyakan hasil penulisan 2017 ini diterbitkan di majalah, akhbar dan antologi bersama. Kewibawaan yang ada pada penulis cerpen dan diterbitkan pada 2017 dapat menghasilkan cerpen yang mantap dan baik, dan cerpen tersebut wajar dikaji secara komprehensif atau lebih mendalam.

Selain itu, pemilihan cerpen ini mempunyai kekuatan untuk dijadikan sebagai data kajian. Dengan kata lain, pemilihan cerpen ini tidak dilakukan sembarangan dengan memilih mana-mana cerpen tanpa melihat potensi, latar belakang dan kesignifikanan cerpen tersebut. Dalam konteks pencapaian ini, cerpen *Manapiralayam 31.12.2017*, *Sangkili 08.10.2017*, *kanavu Thootam 29.10.2017*, *Sothu 26.02.2017* telah dijadikan skrip drama di radio ketika itu. Skrip drama ini amat sesuai dalam penggunaan gaya bahasa yang pelbagai pada ketika itu. Oleh yang demikian, cerpen terbitan 2017 wajar dijadikan sebagai data kajian berdasarkan kedua-dua konteks yang telah dikemukakan. Penggunaan gaya bahasa yang pelbagai dalam kesemua cerpen tersebut dapat dikenal pasti. Menurut teori Larson (1998), penterjemah/ penyari kata perlu sentiasa peka dengan penggunaan bahasa kiasan dalam menerangkan isi tersurat, dan bahasa kiasan perlu digunakan secara semula jadi supaya hasil terjemahan nanti akan lebih menarik dan dapat mengekalkan gaya bahasa sumber.

Oleh yang demikian, Teori Larson amat sesuai untuk digunakan untuk mengenali dan menterjemahkan isi tersurat dan tersirat. Teori LCCM yang dibangunkan oleh Evans digunakan untuk mengenal pasti jenis gaya bahasa. Prinsip yang difokuskan ialah tatacara penggunaan kata sebagai dasarnya kerana pemetaan antara domain serta

pengetahuan. Seterusnya, pemetaan domain sumber kepada domain sasaran dan menyatakan pengalihan makna daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Selain itu, dalam penterjemahan terjadi penggantian bentuk bahasa sumber dengan bentuk bahasa sasaran. Analisis juga melibatkan bacaan rapi dan teliti bagi setiap kata, frasa dan ayat untuk mengenal pasti aspek penggunaan gaya bahasa.

1.8 Tumpuan dan Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan pada penganalisan penggunaan gaya bahasa dalam cerpen terbitan akhbar *Makkal Osai* pada 2017. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada 52 cerpen terbitan akhbar tamil. Pengkaji hanya memberikan fokus yang terperinci tentang cerpen keluaran terbitan akhbar Tamil Makkal Osai. Bahasa kiasan yang dipilih bagi tujuan ini merangkumi beberapa jenis gaya bahasa iaitu metafora (உருவக அணி), simpulan bahasa, simile / perumpamaan, eufemisme, sarkasme, repetasi, hiperbola, sinekdoke, anafora, epifora, okupasi, paradoks, paralelisme, onomatopeia dan personifikasi (தற்குறிப்பேற்ற அணி).

Seterusnya, pengkaji membincangkan maksud tersurat dan tersirat di sebalik penggunaan gaya bahasa dalam cerpen dengan tujuan untuk memberikan pendedahan dan peluang kepada para pembaca tentang makna gaya bahasa serta keunikan yang terkandung dalam cerpen. Pengkaji menghuraikan peranan gaya bahasa Tamil dalam cerpen akhbar tempatan. Penggunaan gaya bahasa ini menjadi pedoman kehidupan dan didikan moral kepada semua lapisan masyarakat.

1.8.1 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah telah digunakan dan berikut merupakan definisi secara konsep dan operasional dalam penggunaan:

1.8.1.1 Gaya Bahasa

Menurut Siti Norashikin, Nor Azuwan dan Zaitul Azma (2017), gaya bahasa merupakan cara yang digunakan oleh pengarang dalam memaparkan gagasan yang sesuai dengan tujuan dan efek yang ingin dicapai. Nur Afiqah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2017) pula mengatakan bahawa gaya bahasa merupakan retorik iaitu penggunaan kata-kata dalam berbicara dan menulis untuk meyakinkan atau mempengaruhi penyemak dan pembaca. Dalam konteks kajian ini, gaya bahasa bermaksud bahasa yang menghasilkan efek dan nilai seni yang tertentu. Relevan dikaji dengan menggunakan teori bahasa kiasan Larson (1984) dan teori LCCM yang dibangunkan oleh Evans (2006).

1.8.1.2 Cerpen

Takrifan cerpen membawa maksud salah satu bentuk prosa moden. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014), cerpen dapat dikategorikan sebagai kisah pendek yang mengandungi kisah tunggal dan ia merupakan cerita yang menjurus dan konsentrasi berpusat pada satu peristiwa yang menumbuhkan peristiwa sendiri. Menurut Norhuda (2014), cerpen ialah sependek 500 hingga 20 ribu patah perkataan. Kalaivani (2011), amalan di negara ini, kebanyakan majalah dan akhbar hanya menyiarkan karya sepanjang 2000 hingga 2500 patah perkataan. Sementara itu dalam konteks kajian ini, cerita pendek tidak sahaja menghidangkan cerita penghibur tetapi membayangkan aliran baharu cara berfikir dan bergerak dalam kehidupan bangsa.

1.8.2 Akhbar Tamil Tempatan

Menurut Rajendran (2016), akhbar Tamil di Malaysia merupakan antara elemen yang paling penting dalam usaha murni untuk menegakkan pelbagai unsur tatakrama moral India di Malaysia melalui rencana atau maklumat yang diterbitkan oleh akhbar masing-masing. Sudah pastinya bahawa akhbar merupakan salah satu agen pembina negara dan bangsa. Nilai estetika, nilai ketamadunan kesusasteraan, nilai kebudayaan tinggi yang dimiliki oleh masyarakat Tamil di Malaysia akan lebih kukuh melalui peranan yang dimainkan oleh akhbar tempatan. Menurut Rogayah Osman (2012), akhbar membawa takrifan sebagai berita, warta yang diterbitkan dalam negeri atau wilayah tempatan, ia diedarkan.

1.9 Kesimpulan

Kajian ini memfokuskan kesusasteraan bahasa Tamil dengan mengenal pasti jenis gaya bahasa kiasan dalam akhbar tempatan. Dalam pada itu, pengkaji telah menetapkan surat khabar *Makkal Ossai* sebagai media bagi kajian ini dengan meninjau tahap penggunaan bahasa kiasan yang digunakan dalam semua cerpen yang diterbitkan dalam akhbar tersebut. Seterusnya, pengkaji turut meninjau maksud dan penggunaan bahasa kiasan dalam penulisan cerpen bagi akhbar tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Moten (1998), *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University Malaysia.
- Andy Dharma Wijaya. (2013). Uji Ekstrak Daun Imba dan Ekstrak Daun Kluwek terhadap Kematian Ulat Grayak. *Disertasi Sarjana Pertanian. Indonesia: Fakultas Pertanian Universitas Pembangunan Nasional*.
- Asad Mohamed. (2015). Peribahasa Garam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Baharin Bin Aiyob (2009), *Madu Ilmu- Antologi Teks Kesusasteraan Melayu Moden KBSM*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka Cikgu XX111 - *Antologi Karya Kreatif Hari Guru 2010*, Kuching, Jabatan pelajaran Sarawak.
- Catford, J.C. (1965). *A. Linguistic Theory of Translation*. London: Oxford University Press.
- Creswell, J.W (2003). *A Framework for design. Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed method Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage .
- Cohen. (2007) *Research Methods in Education*. 3rd. edn. London: Routledge
- Datondji Cocou Andre. (2017). A Study of Context and Figurative Language in Buchi Emecheta's "The Rape of Shavi": A Pragmatic Approach. *Communication and Linguistics Studies*; 3(1): 5-14.
- Ebta, S. (2015). Kamus besar Bahasa Indonesia. In KBBI Offline
- Evans, V. (2006). *Lexical concepts, cognitive models and meaning construction. Cognitive Linguistics*, 17(4), 491-534.
- Evans, V. (2010). *Figurative language understanding in LCCM theory. Cognitive Linguistics*, 21(4), 601-662.
- Evans, V. (2013). Metaphor, lexical concepts and figurative meaning construction. *Journal of Cognitive Semiotics*, 5(1-2), 73-107.
- Evans, V., Bergen, B. K., & Zinken, J. (Eds.). (2007). *The cognitive linguistics reader*. London: Equinox Publishing LTD.
- Evans, V., & Green, M. (2006). *Cognitive linguistics: An introduction*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Ganesan. (2015). Akhbar-Akhbar Tamil Dan Pemikiran Tentang Kaum India Di Tanah Melayu, 1946 – 1960. *Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi memperoleh Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Sains Malaysia.

- Gay, L. R. (2005) *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. 3rd.edn. London: Merrill Publishing.
- Gorys, K (2004). *Diksi dan Gaya Bahasa* Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Gorys, K (2005). *Diksi dan Gaya Bahasa* Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Gorys, K (2007). *Diksi dan Gaya Bahasa* Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Gorys, K (2010). *Diksi dan Gaya Bahasa* Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Hawiyah Baba & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Nilai Melayu dalam Simpulan Bahasa : Analisis Pragmatik. *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015)* “Pelestarian dan Perckayasaan Bahasa” Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 20 - 21 Januari 2015.
- Hornby. (1985). *Women, fire, and dangerous things: What categories reveal about the mind*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Kalaivani. (2011). *Kajian Isu-Isu Semasa Dalam Cerpen Tamil Terbitan Akhbar Malaysia Nanban. (Unpublished master's thesis)*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamala Devi (2015). *Tholkappiyattin Oru Thuli*, UnggalKural Enterprise, Lot B-11A, Bangunan Mara, Lebuh Buckingham, 10200 Pulau Pinang, Malaysia.
- Krishnan Maniam. (1993). *Struktur Cerpen Tamil Malaysia. Cerpen Tamil dan Melayu 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krishnan Subramaniam (2015). *Cerpen Tamil Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kuiper R.A. (2002a) *Enhancing metacognition through the reflective use of self-regulated learning strategies*. *The Journal of Continuing Education in Nursing* 33, 78–87.
- Kuiper & Allan (2004). *Enhancing metacognition through the reflective use of self-regulated learning strategies*. *The Journal of Continuing Education in Nursing* 33, 78–87.
- Keris Mas (1988) *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, 166 hlm.
- Larson, M.L.(1984), *a Meaning Based Translation: A Guide to CrossLanguage Equivalence*. University Press of America. Lanham. Larson, M.L (1990). *Translation Secondary Functions of Grammatical Structure*. Faculty of Translation and Interpretation., Rijksog
- Langacker, R.W (1987). *Volume 1 Theoretical Prerequisites*. California: Stanford University Press. Stanford.
- Maaruf Mahmood, 2000, *Anak Din Biola*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Masruchin, U.N 2017. *Buku Pintar Majas, Pantun dan Puisi*. Depok. HUTA PUBLISHER
- Manullang, Jongga (2017) *Membangun daya Nalar dalam Penulisan Artikel Ilmiah*. Generasi kampus. 7 (1), 7 -10
- Mina Syanti Lubis.(2017) *Analisis gaya bahasa Retoris*. ISSN: 2527-4295 Vo16-No.3 Edisi Ogos 2017. Jurnal Education and Development. STKIP Taparuli Selatan hlm 16.
- Mohanan Perumal (2016). *Malaysia Tamil Eluttalar Sanggam*. Sampoorna Printers Sdn.Bhd. Kuala Lumpur
- Mohd Faizal Abdul Khir. 2017. *Mendepani ekstremisme pengajaran daripada sejarah kemunculan khawarij* Jurnal al-Tamaddun 12 (2):115-25
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Mohd Roslan Rosnan (2016). Bahasa Juri Dalam Program Mentor Legend: Satu Analisis Ragam Bahasa Za'ba. *ESTEEM Academic Journal*, 12(2), 1-14.
- Monique Hennink, Inge Hutter & Ajay Bailey. (2011), *Qualitative Research Method*: Sage Publications Ltd, I Oliver's Hard, City Road London.
- Murugan. (2013). *Strategi Ketidaksantunan Bahasa Dalam Komen Malaysiakini*. Tesis Ijazah Sarjana Linguistik. Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman & Nor Fazila Ad Hamid. (2017) Unsur Disfemisme dalam Terjemahan Makna al-Quran ke Bahasa Melayu. *In e-Proceedings of 3rd International Conference on Islamiyyat Studies*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nik Hassan Basri Hj. Nik Ab kadir, 2003, *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tataahasa*. Tanjung Malin: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). *Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu*: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi Dan Semantik
- Noraini Shahida Ishak & M Mascitah Mansor. (2015). Peribahasa: Gambaran Minda Melayu Dalam Penciptaan Iklan. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 38, (11): hlm. 1038-1041.
- Norhidayu Hasan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Kiasan dalam Novel "Cinta Sang Ratu" dari Sudut Pragmatik. *Journal of Kesidang*. Volume 2 2017: 29-42.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Pemartabatan Bahasa Melayu: Mengenali Falsafah Bahasa Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Norhuda Salleh. (2014). Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan dalam Adat Perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 30 (Special Issue), 177-190.
- Noor Eliza Abdul Rahman & Zulazhan Ab. Halim. (2016). Penterjemahan Bahasa Kiasan dalam Sari Kata Drama Arab Flag of Truth. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*; Vol 3 Bil 2.
- Parameswaran, G. (2017). Languages and the Tamil Terms. *Scribd Publisher*
- Poobalan, V. (1978). Latar belakang kemasyarakatan di dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Kertas kerja Seminar Cerpen-cerpen Tamil Malaysia.
- Ragini & Che Ibrahim. (2015). Peribahasa Melayu Dan Peribahasa Tamil Dari Aspek Sosial. *Journal of Business and Social Development* 3 (1), 66-75.
- Rahilah Omar, and Nasrun Alias, and Teo, Kok Seong (2016) Pemilihan bahasa masyarakat Chetti di Melaka. *Jurnal Melayu*, 15 (2). pp. 211-222. ISSN 1675-7513
- Rahman Shaari, (1993). *Memahami Gaya Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rajendran. (2016). *Malaysia Tamil Eluttalar Sanggam*. Sampoorna Printers Sdn.Bhd. Kuala Lumpur
- Rajendran. (2017). *Malaysia Tamil Eluttalar Sanggam*. Sampoorna Printers Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.
- Rajendran, P.(2012). *Malaysia Tamil Ilakkiya Arimuga karuttaranggu*. Malaysia Tamil Eluttalar Sanggam. Kuala Lumpur.
- Ratna N.K.(2016). *Stilistik: Kajian Puitika Bahasa, sastera dan Budaya*, YogJakarta: Pustaka Pelajar.
- Renata Tesch. (1990). *Qualitative Research Analysis Types & Software Tools*. Taylors & Francis Ltd. London, United Kingdom.
- Rogayah Osman. (2012). Kesisteman Metafora Simpulan Bahasa: Analisis Semantik Kognitif. *Tesis PhD*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican (2005), Kaedah penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Prentice Hall/ Pearson Malaysia.
- Saddhona, Kundharu (2018), *Hubungan Penggunaan kosa kata dengan diksi dalam Bahasa mahasiswa BIPA Level Akademik* *Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastera* 1 (2) 56-59

- Saraswati, A., Sartini, N.W. (2017). Wacana Perlawanan Persebaya 1927 terhadap PSSI: Analisis Wacana Kritis Norman Fairclough. *Mozaik Humaniora*, 17(2):181-191
- Saussure, (1988). *Course in general linguistics*. New York: Philosophical Library.
- Sagar Narayanan. (2009). *Corak pemikiran sosial masyarakat India dalam novel Tamil Malaysia (1957-1985)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Singaravelu Sachithanatham.(2006).Siri Khas *Sastera dan Sains Sosial. Pengajian India. Bicara Pelbagai Perspektif*: Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Shahnon Ahmad. (2014).*Teknik Naratif Cerpen-cerpen Shahnon Ahmad*. Tanjong Malim, Perak : Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sibarani, R.,2002. “ Penggunaan Peribahasa Sebagai Jati diri Wacana Bahasa” dlm. *Pemikiran Melayu tentang Alam dan Hakikat Diri*, Prosiding Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu / Indonesia 11, hlm. 373-385, 2002.
- Siti Faridah Omar & Fadilah Isnin. (2015). Penggunaan Bahasa Figuratif dalam Penulisan Karangan Naratif Murid Sekolah Rendah. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Bahasa dan Jati Diri Melayu*. Pusat Bahasa Melayu Singapura 12, 145-151.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi, Nor Azuwan Yaakob & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Makna Siratan Bahasa Figuratif dalam Cerpen Melayu Karya Lim Swee Tin. *Journal of Business and Social Development* Volume 5 Number 2, September 2017: 75-94.
- Subahnan. (2016). Pendayagunaan Gaya Bahasa dalam Wacana Kampanye. *Wacana, 1* (1):82-94
- Sulistiyono, Y. (2016). Struktur dan Fungsi Eufemisme dalam Rubrik Obituari *Harian Kompas. Leksema, 1* (2): 73-80
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud (2018). An Inquisitive Semantic Studies in Tamil Proverbs: Plants Image. *Sains Humanika* 11:1 (2019), 73–80.
- Trisna Dinillah Harya. (2016). An Analysis of Figurative Languages Used In Coelho's Novel Entitled “Alchemist”. *Premise Journal* Vo. 5 No. 2 October, ISSN online: 2442-482x.
- Umadevi. (2011). Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India dalam Novel Tamil Malaysia. (*Unpublished master's thesis*). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Umar Junus.(2010). *Gaya Bahasa Sastera Melayu*. Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu. Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka

Winarto, Y.T et al. (2016), *Karya Tulis Ilmiah Sosial: Menyiapkan, Menulis dan Mencermatinnya*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia

Zaitul Azma dan Ahmad Fuad. (2016). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 11(3), UPM.

Zulkifli Khamis & Noor Aisyah Ahmad Sharif. (2019). Perluasan Kosa Kata Melalui Penggunaan Gaya Bahasa Perbandingan dalam Penulisan Deskriptif. *Seminar Bahasa Melayu*.



BIODATA PELAJAR

Saya Eswari Kunasekaran. Saya berasal dari Cameron Highlands Pahang. Kini saya bekerja sebagai seorang guru di SJK (T) Puchong, Batu 14, Puchong, Selangor. Saya bertugas selaku seorang guru sejak 2004. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Teh Blue Valley, Cameron Highlands. Manakala pendidikan menengah pula saya belajar di SMK Kg. Raja Cameron Highlands.

Setelah tamat pendidikan di peringkat rendah dan menengah saya diberi peluang untuk belajar di Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan di Kuantan dan Kuala Lipis. Saya juga telah dianugerahkan sebagai pelajar terbaik dari unit Pengajian Tamil dan Kajian Tempatan. Pada tahun 2003 saya telah dimandatkan untuk bertugas di salah sebuah sekolah Tamil di Triang Pahang.

Setelah genap satu tahun saya bertukar ke Sekolah jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda Petaling Jaya. Saya telah menamatkan pendidikan Degree di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Linguistik Bahasa Melayu. Saya mempunyai pengalaman selama 17 tahun dalam bidang pendidikan di peringkat rendah. Saya merupakan salah seorang pelajar yang aktif dalam bidang sastera bahasa Tamil.

Saya juga mempunyai pengalaman dalam penulisan puisi dan sajak bahasa Tamil. Hasil nukilan saya telah diterbitkan dalam surat khabar tempatan yang paling popular di Malaysia iaitu Makkal Osai. Saya juga pernah menghadiri konferen, bengkel, seminar yang berkaitan dengan bahasa Tamil. Saya juga giat menceburkan diri dalam bidang kaji semula cerpen atau novel dalam bahasa Tamil. Saya mempunyai lebih dari 20 koleksi puisi. Jumlah puisi ini merupakan hasil nukilan saya.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Pertama 2020/2021

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

GAYA BAHASA DALAM CERPEN TERBITAN AKHBAR TAMIL TEMPATAN

NAMA PELAJAR : ESWARI A/P KUNASEKARAN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]